



DR. Daing Nasir Ibrahim (kanan) menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Zaman pada persidangan Akademi Kemajuan Perniagaan Global (AGBA) 2010 di Hotel Palm Garden, Putrajaya, baru-baru ini.

Naib Canselor UMP terima anugerah AGBA

utusan m'sia (Halo Kampus) 29/12/10 (Rabu) Ms: 26

KUANTAN 28 Dis. – Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Zaman pada persidangan Akademi Kemajuan Perniagaan Global (AGBA) 2010 di Hotel Palm Garden, Putrajaya baru-baru ini.

Anugerah disampaikan oleh pengerusi persidangan, Prof. Dr. Shawn Carraher daripada Minot State University, Amerika Syarikat.

Presiden AGBA, Prof. Dr. Zahar U. Ahmed berkata, penganugerahan itu bagi mengiktiraf keserjanaan beliau dalam bidang perakaunan, penyelidikan dan penglibatan dalam pengurusan serta badan profesional.

“Anugerah ini turut mengiktiraf sumbangan dan jasa beliau dalam perkembangan pengajian pengurusan dan perniagaan di Malaysia,” katanya kepada pemberita selepas persidangan itu.

Persidangan tersebut merupakan anjuran

AGBA dan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan UPM.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari itu berjaya menarik minat lebih 250 peserta dari dalam dan luar negara yang membentangkan kertas kerja mengenai bidang pengajian perniagaan.

Antara topik yang dibincangkan termasuk pengurusan perniagaan, perakaunan, kewangan, pemasaran, strategi dan sumber manusia.